

**FAEDAH YANG DIPEROLEHI OLEH JURUUKUR BAHAN
DI SYARIKAT PEMBINAAN**

KHAIRUDDIN BIN ZAINAL

**Laporan Projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

Mac 2002

ABSTRAK

Juruukur Bahan merupakan tenaga penting di dalam syarikat pembinaan. Setiap Juruukur Bahan yang bekerja di syarikat pembinaan merupakan seorang pekerja di sisi undang-undang. Sebagai seorang pekerja, Juruukur Bahan berhak memperoleh faedah yang sewajarnya daripada majikan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan membandingkan faedah kerja yang diterima oleh Juruukur Bahan berdasarkan peranannya di syarikat pembinaan. Skop kajian ini meliputi Juruukur Bahan yang berkhidmat di syarikat pembinaan (bumiputera sahaja) iaitu gred G7, G6 dan G5, yang dipilih secara rawak melalui pengedaran borang soal selidik. Sebanyak 150 borang soal selidik telah di hantar kepada responden (50 untuk setiap gred). Responden G7 merupakan kumpulan terbesar yang mengembalikan borang soal selidik iaitu 17%, diikuti 8% (G6) dan 10% (G5). Terdapat dua bentuk faedah yang diamalkan di syarikat pembinaan iaitu faedah berbentuk kewangan dan faedah bukan berbentuk kewangan. Akta Pekerjaan dan Undang-Undang Buruh Malaysia 1955, telah memberi garis panduan mengenai faedah wajib yang boleh diperolehi oleh Juruukur Bahan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati keseluruhan Juruukur Bahan memperoleh faedah wajib kecuali bayaran kerja lebih masa yang hanya diperolehi oleh segelintir Juruukur Bahan sahaja. Didapati keseluruhan faedah berbentuk kewangan yang dinyatakan diperolehi oleh responden gred G7 dan G6. Terdapat dua jenis faedah berbentuk kewangan yang tidak diperolehi oleh responden G5 iaitu perkongsian keuntungan syarikat dan perkongsian keuntungan projek. Kaunseling merupakan faedah bukan berbentuk kewangan tunggal yang tidak diperolehi oleh responden G7 dan G6. Terdapat dua jenis faedah bukan berbentuk kewangan yang tidak diperolehi oleh responden G5 iaitu tempat meletak kenderaan khas dan kaunseling. Didapati faedah berbentuk kewangan lebih diutamakan oleh Juruukur Bahan sekiranya ingin terus bekerja di syarikat sekarang. Secara keseluruhannya, sebahagian besar Juruukur Bahan berpuas hati dengan faedah yang diterima di syarikat sekarang.